

06 JUN 2000

Abu Hassan-Zoo

KERAJAAN SELANGOR DIMINTA KENALPASTI LOKASI BARU UNTUK ZOO NEGARA

SHAH ALAM, 6 Jun (Bernama) -- Kerajaan pusat telah meminta kerajaan negeri Selangor mengenalpasti sebuah lokasi baru untuk menempatkan Zoo Negara, kata Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Beliau berkata Kabinet berpendapat bahawa lokasi sekarang di Jalan Hulu Kelang tidak lagi sesuai kerana persekitaraan serta keadaan trafik yang sibuk di situ.

"Kerajaan negeri Selangor akan berusaha untuk mengenalpasti satu kawasan baru secepat mungkin," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding di pejabatnya di sini hari ini.

Abu Hassan berkata dalam pertemuan itu Law telah menyampaikan keputusan kerajaan pusat mengenai perkara itu dan kementerian berkenaan akan bekerjasama dengan kerajaan negeri agar kerja-kerja pemindahan zoo itu dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Beliau berkata kerajaan pusat mahu lokasi baru itu berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang, dekat dengan penempatan penduduk dan mudah dilawati.

Keputusan mengenai lokasi baru itu akan diketahui dalam masa beberapa minggu lagi, kata beliau, yang hari ini genap tiga tahun menjadi Menteri Besar Selangor.

Mengenai Umno, Abu Hassan berkata beliau menerima apa jua keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan parti berhubung pelantikan Menteri Besar dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri sebagai ahli Majlis Tertinggi (MT).

Katanya, beliau menyerahkan perkara itu kepada kebijaksanaan presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membuat keputusan.

Abu Hassan berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno semalam bahawa Menteri Besar tidak semestinya dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri dan menduduki kerusi MT.

Dr Mahathir berkata pelantikan Menteri Besar sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri dan ahli MT hanyalah satu kelaziman tetapi tidak semestinya terus diikuti.

Abu Hassan berkata beliau percaya pucuk pimpinan parti akan mengkaji dengan lebih lanjut sebelum membuat sebarang keputusan mengenai perkara ini dan apa jua keputusan yang dibuat diharap dapat memperbaiki pentadbiran parti.

Katanya sepanjang beliau menjadi Menteri Besar Selangor beliau menerima sokongan dan kerjasama padu daripada rakyat serta kakitangan kerajaan dalam usaha membangunkan negeri itu.

-- BERNAMA

KM AKD